



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 603-5520 5200
Laman Web:
<http://selangor.anm.gov.my>

Rujukan Kami: ANM(SEL)PD.400-7/1/1 Jld.2 (55)

Tarikh: 30 Oktober 2025

**Ketua-Ketua Pejabat Pemungut Di Bawah Seliaan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Selangor**

YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PERINGATAN MENGENAI PENGURUSAN CEK TAK LAKU (CTL) DI PEJABAT
PEMUNGUT DI BAWAH SELIAAN JANM NEGERI SELANGOR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, pihak kami mendapati isu Cek Tak Laku (CTL) kerap berlaku di Pejabat Pemungut di bawah seliaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Selangor. Sila rujuk **Lampiran A - Laporan Ringkasan Isu Cek Tak Laku di Pejabat Pemungut bagi Tahun 2024 – Oktober 2025**. Sehubungan itu, surat ini dikeluarkan sebagai peringatan kepada semua Pejabat Pemungut untuk mematuhi tatacara pengurusan terimaan yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kejadian CTL berulang.

3. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2025 – Tatacara Pengurusan Terimaan dan Manual Pengguna iGFMS Modul Akaun Terimaan, semua Pejabat Pemungut hendaklah mengambil tindakan-tindakan berikut:

3.1. Semakan Ciri-Ciri Cek Semasa Menerima Terimaan

Bagi mengelakkan berlakunya CTL, Pejabat Pemungut hendaklah memastikan semakan rapi dibuat ke atas cek yang diterima dengan meneliti perkara-perkara berikut:

Maklumat Asas Cek	Keadaan Fizikal dan Jenis Cek
Tarikh cek berada dalam tempoh sah laku	Tiada sebarang pindaan dibuat pada cek
Nama Kementerian/Jabatan sebagai penerima adalah betul	Cek tidak rosak atau koyak Cek dipalang "Akaun Penerima Sahaja"
Amaun dalam perkataan dan angka adalah sama	Cek tunda tarikh (<i>post-dated cheque</i>) tidak dibenarkan
Cek telah ditandatangani dengan lengkap	Cek persendirian adalah tidak dibenarkan

Nota Tambahan: Catatkan kod Kumpulan Pusat Tanggungjawab (PTJ) & PTJ serta nama dan nombor telefon pembayar di belakang cek.

3.2 Pengeluaran Surat Peringatan Gantian CTL Mengikut Tempoh Ditetapkan

Sekiranya berlaku CTL, Pejabat Pemungut hendaklah mengambil tindakan segera untuk **mendapatkan gantian tidak lewat dari 7 hari dari tarikh terima pemakluman daripada Pejabat Perakaunan**. Tindakan surat tuntutan dan peringatan hendaklah dikeluarkan mengikut tempoh berikut:

Bil.	Jenis Surat	Tempoh
1.	Surat Tuntutan	Serta-merta
2.	Surat Peringatan Pertama (SP 1)	7 hari dari tarikh surat tuntutan
3.	Surat Peringatan Pertama (SP 2)	14 hari dari tarikh SP 1
4.	Surat Peringatan Pertama (SP 3)	14 hari dari tarikh SP 2
5.	Rujuk kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian/Jabatan	Selepas 14 hari dari tarikh SP 3

Nota Tambahan: Penghantaran Surat Tuntutan dan Surat Peringatan hendaklah disalinkan kepada Pejabat Perakaunan.

3.3 Pewujudan Kawalan Dalaman Penggunaan Cek

Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk menyediakan garis panduan dalaman bagi memastikan CTL dikutip balik dengan segera dan mengelakkan berlakunya tunggakan. Sebagai langkah kawalan, penggunaan mod terimaan/cara bayaran **cek yang disokong dengan jaminan bank adalah amat digalakkan** bagi mengurangkan risiko wujudnya CTL.

3.4 Tatacara Pengeluaran Resit Rasmi Penggantian

Pejabat Pemungut hendaklah **mengeluarkan satu (1) Resit Rasmi sahaja bagi satu (1) terimaan melalui cek** bagi memudahkan proses penggantian sekiranya berlaku isu CTL. Semasa proses pengeluaran Resit Rasmi bagi penggantian cek, nombor Resit Rasmi asal (baharu/penggantian) hendaklah dijana dengan memilih Nombor Resit Rasmi asal di medan Nombor Resit Rasmi batal. Sila rujuk **Lampiran B – Paparan Penyediaan Resit Rasmi di Portal iGFMAS**.

Rujukan Kami : ANM(SEL)PD.400-7/1/1 Jld.2 (55)
Tajuk : Peringatan Mengenai Pengurusan Cek Tak Laku (Ctl) Di Pejabat Pemungut Di Bawah Seliaan Janm
Negeri Selangor
Tarikh : 20 Oktober 2025

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai bagi memastikan pengurusan terimaan Kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Inovasi Memperkara Perakaunan Mampan’

Saya yang menjalankan amanah,



SHAHNAZ BIN ABD SALAM C.A.(M) CPA(M)

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Selangor

E-mel : pneg_sgr@anm.gov.my

No. Tel : 03 5520 5201/02

Rujukan Kami : ANM(SEL)PD.400-7/1/1 Jld.2 (55)
Tajuk : Peringatan Mengenai Pengurusan Cek Tak Laku (Ctl) Di Pejabat Pemungut Di Bawah Seliaan Janm Negeri Selangor
Tarikh : Oktober 2025

LAMPIRAN A

**LAPORAN RINGKASAN ISU CEK TAK LAKU DI PEJABAT PEMUNGUT
DI BAWAH SELIAAN JANM NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN 2024 – OKTOBER 2025**

KOD PeP	NAMA PeP	BILANGAN CTL
36020713	JPJ NEGERI SELANGOR	33
36030403	PEJ LAUT WISMA PELAUT, PEL.KLANG	25
42062801	HOSPITAL SERDANG	17
42060162	HOSPITAL SHAH ALAM	13
42060163	HOSPITAL CYBERJAYA	10
42060101	HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH KLANG	8
42062601	HOSPITAL SELAYANG	7
36020717	JPJ CAWANGAN BANGI	6
42060161	HOSPITAL BANTING	5
41610301	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KLANG	4
42060601	HOSPITAL TANJONG KARANG	4
42062401	HOSPITAL SUNGAI BULOH	4
45060100	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT SELANGOR	4
42060401	HOSPITAL KAJANG	3
26040102	JPPH BANDAR BARU BANGI	2
36020711	JABATAN PENGANGKUTAN JALAN PETALING JAYA	2
42062701	HOSPITAL AMPANG	2
47041141	JAB. KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJA SEL	2
21030901	PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR	1
21090401	MAHKAMAH NEGERI SELANGOR	1
26040105	JAB. PENILAIAN & PERKHIDMATAN HARTA SEPA	1
30601121	RUMAH SEMBELIH SHAH ALAM	1
34212071	KPDN NEGERI SELANGOR	1
42060701	HOSPITAL KUALA KUBU BHARU	1
42060901	PEJABAT KESIHATAN DAERAH PETALING	1
42061001	PEJABAT KESIHATAN KUALA SELANGOR	1
47022141	PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTECT)	1
47022208	ILP KUALA LANGAT	1
47061081	CIASST SELANGOR	1
50060101	JAB KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR	1
69092901	JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR	1

Rujukan Kami : ANM(SEL)PD.400-7/1/1 Jld.2 (55)
Tajuk : Peringatan Mengenai Pengurusan Cek Tak Laku (Ctl) Di Pejabat Pemungut Di Bawah Seliaan Jann
Negeri Selangor
Tarikh : Oktober 2025

LAMPIRAN B

PAPARAN PENYEDIAAN RESIT RASMI DI PORTAL IGFMS

The screenshot displays the 'DAFTAR RESIT' form in the IGFMS portal. The form is organized into several sections:

- DATA ASAS:** Includes fields for Tahun (2025), Pejabat Perakaunan (1010), Pegawai Pengawal Menyedia (B6), and Kumpulan PTJ & PTJ Menyedia* (27022701). It also features dropdown menus for Jenis Resit (BIASA) and Jenis Pembayar (TETAP), along with a date field for Tarikh Post (20 08 2025).
- SALURAN TERIMAAN:** Offers options for HADIR or POS, and includes fields for Jenis Identifikasi and Kod Identifikasi.
- BUTIR-BUTIR PEMBAYAR:** Contains a grid of fields for payment details. The 'No Resit Batal' field is highlighted with a red box. Other fields include Nama 1*, Nama 2, Alamat 1, Alamat 2, Alamat 3, Poskod, Bandar, Negeri, Negara, Catatan, and various identification numbers like No. K30 Peringatan, No. Akaun/Ruj. Pelanggan, No. Tel, No. Hp, No. Fax, and E-Mel.

Pejabat Pemungut hendaklah mengunci masuk Nombor Resit Rasmi asal (yang berlaku CTL) pada medan Nombor Resit Rasmi Batal yang dipaparkan di atas ketika menyediakan Resit Rasmi pengantian.